

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 4 (4)

Tarikh : 22 Februari 2022

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 2/2022

FI DAN CAJ BERHUBUNG PERMOHONAN AKREDITASI PUSAT PENILAIAN PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KELAYAKAN AKADEMIK (APEL.Q)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 5/2020 – Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kelayakan Akademik (Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Award of Academic Qualifications, GGP: APEL.Q) bertarikh 24 Disember 2020.

2. Untuk makluman tuan/puan, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) boleh menjalankan penilaian permohonan Akreditasi Pusat Penilaian Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kelayakan Akademik (APEL.Q) selaras dengan seksyen 74 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]. Justeru, MQA telah menetapkan proses permohonan seperti dalam **Lampiran 1** dan prasyarat permohonan adalah seperti berikut:

- i) Program yang berkaitan telah mendapat Akreditasi Penuh;
- ii) PPT telah mendapat kelulusan dan mematuhi semua syarat kelulusan pelaksanaan APEL.C (jika ada); dan
- iii) PPT perlu menjalani bengkel latihan APEL.Q yang dianjurkan oleh MQA.

3. Sehubungan itu, mana-mana PPT yang telah memenuhi prasyarat yang telah ditetapkan boleh mengemukakan dokumen permohonan berdasarkan 'Borang APEL.Q-01: Permohonan untuk Melaksanakan APEL.Q' dan dokumen sokongan beserta fi dan caj yang ditetapkan seperti berikut:

Bil.	Perkara	RM	Catatan
i.	Fi Permohonan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q	15,000.00	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum satu program • Tempoh sah laku lima tahun
ii.	Caj penilaian tambahan program		
	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap 3 (Sijil), Tahap 4 (Diploma) dan Tahap 5 (Diploma Lanjutan) 	5,000.00	Per program
	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda), Tahap 7 (Sarjana) dan Tahap 8 (Kedoktoran) 	5,500.00	Per program

4. Maklumat fi, caj dan borang permohonan boleh dirujuk dan dimuat turun daripada portal APEL.Q, https://www2.mqa.gov.my/APEL/APEL_Q. Pihak MQA berharap agar semua PPT mengambil maklum mengenai kadar fi dan caj tersebut serta mematuhi ketetapan pembayaran dalam usaha memantapkan serta melancarkan proses penilaian akreditasi pusat penilaian APEL.Q.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Aras 2, Bangunan Canseleri
35900 TANJONG MALIM, PERAK

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canseleri
43600 BANGI SELANGOR

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Putrajaya Campus
Jalan IKRAM-UNITEN
43000 KAJANG, SELANGOR

11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR


14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH

15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK

PERMOHONAN AKREDITASI PUSAT PENILAIAN APEL.Q


PRASYARAT PERMOHONAN

- Program (Akreditasi Penuh)
- Lulus APEL.C dan patuh syarat kelulusan APEL.C (jika ada)
- Bengkel / latihan APEL.Q anjuran MQA




PERMOHONAN

- Borang APEL.Q – 01
- Fi dan Caj Penilaian Tambahan Program (jika berkaitan)




PENILAIAN INSTRUMEN

Instrumen (sistem dan perancangan penilaian) dinilai oleh Panel



PELAKSANAAN INSTRUMEN OLEH PPT

- Kajian rintis terhadap calon pelajar
- Pembentangan kepada Panel



KEPUTUSAN